

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**

**Sidang Akademik 1999/2000**

**Februari 2000**

**HKB 221/NSK 012 – Kesusasteraan dan Disiplin Bantu**

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI **LAPAN [8]** SOALAN DI DALAM **TIGA [3]** HALAMAN.

Jawab **EMPAT [4]** soalan semuanya. **DUA [2]** soalan dari Bahagian A dan **DUA [2]** soalan dari Bahagian B.

**BAHAGIAN A**

**Sama ada**

1. “We should not expect to find directly reflected social realities in art since those pass through a process of “mediation” in which their original content is changed” (Raymond William).

Bincangkan dengan merujuk kepada pandangan Janet Wolfe tentang “aesthetic mediation” dan “ideological mediation”. Apakah implikasi proses tersebut ke atas teori pancaran (de Bonald) dan kewajaran penggunaan karya sastera sebagai dokumen budaya?

**Atau**

2. Sosiologis cenderung menganggap pengarang sebagai “producer” bukan “creator” dan karya seni sebagai “cultural product” bukan “creative product”.

Dengan membicarakan kedudukan pengarang sebagai “located individual” dan pengkaryaan sebagai “situated practice”, bincangkan pandangan di atas.

**Sama ada**

3. Ciri-ciri emosi, subjektiviti, kecerekaan dalam sastera serta penggunaan bahasanya yang bersifat retorikal sering dilihat sebagai faktor-faktor yang menyisihkan sastera dari arus utama ilmu pengetahuan.

Perlihatkan perubahan persepsi terhadap sastera di pertengahan kurun ke 20 dan bagaimana ia mempengaruhi perhubungan sastera dengan disiplin-disiplin bantu.

**Atau**

4. Kesusasteraan mistikal atau “the spirit in art” (Wilber) wujud hasil dari gabungan mesra falsafah dan sastera.

Bincangkan ciri-ciri kesusasteraan tersebut untuk menolak hujah yang meragui keupayaan sastera untuk memegang status falsafah seperti yang disebut oleh Ross.

Berdasarkan karya Dante (*Divine Comedy*) atau Attar (*Mantiq al Tayr*) bincangkan bagaimana dimensi “spirit” itu diperlihatkan.

**Sama ada**

5. a) Adakah Meursault (*Orang Terasing*) seorang individu yang tidak berhati perut atau adakah ia mewakili insan abad 20 yang menanggung gejala-gejala buruk yang dibawa oleh modeniti?

Bincangkan berdasarkan pemikiran eksistensialis yang dikemukakan oleh Sartre dan Kierkegaard.

**Atau**

6. Di dalam *Ziarah* realiti adalah “fluid” kerana dunia dipersembahkan melalui subjektiviti opsetter yang menyoal semula pendapat walikota: “Umum adalah lebih besar dari pribadi, dari sekian pribadi”

Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, analisiskan setakat manakah Iwan Simatupang berjaya menyerapkan falsafah eksistensialis ke dalam karyanya demi memperkayakan tema-tema beliau.

**Sama ada**

7. Sumbangan Freud kepada psikologi manusia tidak dinafikan, namun rumusan-rumusan beliau tentang psikologi wanita telah dikritik oleh ahli-ahli psikologi feminis seperti Karen Horney dan Nancy Chodorow. Berdasarkan pendapat-pendapat Horney dan Chodorow, analisiskan perkembangan protagonis-protagonis wanita di dalam “Journey” oleh Shirley Lim dan “Ilona” oleh Leila Chudori.

**Atau**

8. Freud menentang aliran surrealisme yang menganggap bahawa sistem bawah sedar adalah realiti mutlak justeru itu sering menafikan dunia luar. Bagi Freud apa yang ada di bawah sedar cuma “bahan-bahan mentah sahaja sedangkan pengarang sangat arif terhadap apa yang diciptakan demi menghasilkan keseronokan dengan pembaca-pembacanya”.

Dengan merujuk kepada pernyataan-pernyataan di atas, analisiskan “Igau” (Shahnon Ahmad) dan “Tik, Tik, Tik” (Anwar Ridhwan).